

**SOALAN NO. 35****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]**TARIKH :** 13 NOVEMBER 2017**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa sebabnya/alasan terperinci berkenaan dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan melalui Akta 354 di mana definisi asal Sabah dan Sarawak sebagai "The Borneo States" [Artikel 2 (b)] telah dimansuhkan dan di mana Sabah & Sarawak dimasukkan dalam definisi 'The States of the Federation" dan adakah Kerajaan sedia untuk menggubal pindaan kepada definisi asal seperti mana yang dipersetujui pada Penubuhan Persekutuan Malaysia seperti dalam "spirit & intent" Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan pertanyaan mengenai tujuan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan, diperhatikan bahawa sebutan terdahulu sebelum dipinda oleh seksyen 4 Akta Malaysia 1963 semasa penubuhan Malaysia adalah seperti yang berikut:

"(2) *The States of the Federation shall be—*

- (a) *the States of Malaya, namely, Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Terengganu;*
- (b) *the Borneo States, namely, Sabah and Sarawak; and*
- (c) *the State of Singapore.”*

Pindaan kemudian dibuat melalui seksyen 2 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1976 [Akta A354] dengan menggantikan Fasal (2) Perkara (1) tersebut dengan Fasal (2) Perkara 1 yang sedia ada. Berdasarkan Huraian kepada Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1976 tersebut, diperhatikan bahawa pindaan oleh Akta A354 ini bertujuan untuk menyatakan semua Negeri dalam Persekutuan secara susunan abjad. Huraian tersebut menyatakan seperti yang berikut:

*“Clause 2 of the Bill seeks to amend Clause (2) of Article 1 of the Constitution by specifying all the constituent States of the Federation in alphabetical order.”*

Perkara ini turut dijelaskan oleh mantan Perdana Menteri, YAB Tun Hussein bin Dato' Onn dalam Penyata Rasmi Dewan Rakyat bertarikh 12 Julai 1976 seperti yang berikut:

*“Dengan itu pindaan-pindaan yang akan dikemukakan dan yang hendak dikemukakan ialah berkenaan dengan Fasal 1 (2) iaitu menyusun semula nama-nama negeri yang di dalam Persekutuan ini.”*

Seksyen 43 Akta A354 turut menggantikan perkataan “*the Borneo States*” di mana-mana ia disebut dalam Perlembagaan Persekutuan dengan perkataan “*the States of Sabah and Sarawak*”. Menurut Huraian kepada Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1976, pindaan tersebut berbangkit (*consequential*) daripada pindaan yang dibuat oleh seksyen 2 seperti yang dijelaskan di atas. Huraian tersebut adalah seperti yang berikut:

*“48. Clause 43 of this Bill provides for the reference to Borneo States in the Constitution to be substituted by a reference to the States of Sabah and Sarawak. This amendment is consequential to the amendment sought to be made by Clause 2 of this Bill.”*

Oleh itu, pindaan melalui Akta A354 terhadap Fasal (2) Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan yang memansuhkan perkataan “*the Borneo*

"States" dalam Fasal 2(b) yang terdahulu tidak mengubah status Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dalam Persekutuan yang sememangnya merupakan sebahagian daripada Negeri-negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia. Pindaan tersebut juga selaras dan tidak bercanggah dengan apa yang dipersetujui semasa pembentukan Malaysia serta sejajar dengan "*spirit and intent*" Perjanjian Malaysia.

Sekian, terima kasih.